

01/03/2003

Industri kraf perlu penuhi selera, permintaan pasaran

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu industri kraf tempatan mengubah pendekatan, termasuk membuka kilang dan menjadikannya lebih komersial seperti menggunakan mesin bagi menjamin keluaran lebih besar supaya dapat memenuhi pasaran yang semakin meluas.

Perdana Menteri berkata, langkah itu juga sejajar dengan konsep "Satu kampung, satu industri" yang diperbaharui dengan cara mengadakan satu kilang kecil bagi satu kampung, dalam usaha kerajaan membangunkan kawasan luar bandar.

Katanya, kraf masih dapat memberi kerja dan pendapatan jika diuruskan secara komersial.

"Ini kerana produk kraf adalah hasil kerja tangan tetapi cara kerja seperti itu tidak dapat membekal jumlah yang cukup untuk permintaan yang besar bagi semua barangan di zaman ini.

"Kita tidak boleh lagi buat satu dua barangan seminggu secara sambilan untuk menjualnya di kampung atau bandar berdekatan hanya apabila siap.

"Pasaran sekarang memerlukan bekalan banyak yang disediakan mengikut jadual pasaran.

"Kualiti juga mesti tinggi dan sama untuk satu-satu produk yang dikeluarkan. Hasil kerja tangan yang bergantung kepada kecekapan pekerja tidak sama daripada segi kualiti dan ukuran.

"Bekalan juga tidak menentu kerana kerja di rumah tidak tertakluk kepada disiplin tempat kerja terutama masa bekerja.

"Pelanggan akan kecewa apabila pesanan tidak ditunaikan mengikut jadual. Pasaran menentukan jaya atau gagalnya industri. Banyak sudah industri tradisional yang tidak ada lagi. Justeru itu, jika industri kraf hendak dikekalkan dan dimajukan, selera dan permintaan pasaran mesti diambil kira," katanya.

Beliau berucap merasmikan Hari Kraf Kebangsaan di Kompleks Kraf Kuala Lumpur di Jalan Conlay dekat sini, semalam.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyampaikan Anugerah Tokoh Kraf Negara kepada Zainab @ Ngah Mamat, 61, dari Terengganu. Zainab yang menceburi kegiatan tenunan songket selama 45 tahun, menerima watak penghargaan, wang tunai RM30,000, sepasang persalinan songket lengkap, tambang perjalanan dan sara hidup bernilai RM1,500 dan bayaran perubatan bernilai RM7,000.

Sempena sambutan itu, ekspo kraf berlangsung empat hari bermula semalam yang meliputi pameran teknologi kraf, pameran produk baru kraf dalam bidang tekstil, hasil rimba, seramik dan logam, pameran produk untuk pasaran eksport serta pameran produk pelajar Institut Kraf Negara.

Dr Mahathir berkata, konsep "satu kampung, satu industri" tidak terhad kepada barangan kraf tetapi barangan buatan kilang yang sesuai untuk industri kecil di kampung, akan dikenal pasti dan diberi galakan.